

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DR. HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN
[PENGKALAN CHEPA]**

TARIKH : 19 NOVEMBER 2015 (KHAMIS)

SOALAN :

YB Dr. Haji Izani bin Haji Husin [Pengkalan Chepa] minta PERDANA MENTERI menyatakan statistik siap bina, dalam pembinaan dan perancangan untuk bina rumah kekal kepada mangsa banjir di Kelantan.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di-Pertua,

Setakat 4 November 2015, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Kelantan telah mengenal pasti 1,827 unit RKB yang perlu dibina untuk mangsa-mangsa banjir. Dari jumlah tersebut, Kerajaan Persekutuan perlu membina 1,123 unit manakala Kerajaan Negeri Kelantan sebanyak 449 unit. Sebanyak 187 unit rumah yang dibina oleh NGO juga telah diiktiraf sebagai RKB. Sementara itu, 68 unit RKB lagi tidak akan dibina setelah siasatan lanjut mendapati mangsa yang terlibat tidak layak.

Sehingga kini, sebanyak 186 unit RKB yang dibina oleh Kerajaan Persekutuan telah siap dan diserahkan kepada mangsa-mangsa banjir yang layak. Pada masa yang sama, sebanyak 268 unit sedang dalam peringkat pembinaan dan 40 unit lagi dalam peringkat pra-bina. Kos pembinaan untuk setiap unit rumah adalah RM55,000.00 tidak termasuk kos perolehan tanah dan kerja-kerja infrastruktur.

Selain itu, 511 unit rumah lagi telah dimulakan pembinaan pada pertengahan Oktober 2015 berikutan terdapatnya tanah-tanah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan, milik KESEDAR dan milik FELDA serta tanah-tanah persendirian yang diperolehi menerusi pengambilan tanah. Pembinaan RKB ini dijangka siap pada bulan Februari 2016. Sebanyak 118 unit lagi sedang dalam siasatan untuk menentukan kelayakan. Walau bagaimanapun, tapak untuk unit-unit dalam siasatan ini telah pun disediakan.

Kelewatan memulakan pembinaan antaranya disebabkan oleh kekangan pelaksanaan diperingkat awalan berikutan ketiadaan tanah-tanah yang sesuai untuk dibangunkan RKB, kos infrastruktur yang tinggi serta proses pengambilan tanah persendirian yang mengambil masa untuk verifikasi tapak, pertimbangan dan kelulusan pihak berkuasa. Untuk pembinaan RKB berkelompok, ianya baru diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan pada 14 Oktober 2015. Selain itu, kelulusan menggunakan tanah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan juga baru diperolehi.

Sekian. Terima kasih.

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KETIGA BELAS TAHUN 2015
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN ANUAR BIN ABD.
MANAP [SEKIJANG]
[BN-UMNO]**

TARIKH : 19 NOV 2015, KHAMIS

SOALAN : 15

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan jumlah semasa pelajar tajaan MARA yang menyambung pengajian di luar negara mengikut tahap pendidikan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman YB, setakat September 2015, jumlah semasa pelajar tajaan MARA di luar negara bagi peringkat ijazah pertama dan ke bawah berjumlah 7,786 orang, manakala peringkat pasca siswazah dan profesional seramai 1,101 orang.

Penajaan pelajar ke luar negara adalah di bawah program Skim Pelajar Cemerlang sahaja khususnya dalam bidang Science, Technology, Engineering & Mathematics (STEM).